

22/08/2004

Kikis sikap `cukuplah apa yang ada'

DIAM tak diam, beberapa hari lagi kita akan menyambut ulang tahun ke-47 kemerdekaan negara. Tidak ramai yang berpeluang menyelami dan menghayati detik bersejarah penurunan Union Jack pada 1957 lalu kerana ramai penduduk lahir selepas merdeka.

Pengibaran Jalur Gemilang pada kenderaan, bangunan dan rumah yang kita lakukan sekarang ialah bukti ketaatsetiaan kita kepada negara dan tanda bersyukur kerana mendiami negara yang aman dan damai.

Menyingkap pencapaian bangsa Melayu selepas terlepas daripada belenggu penjajah hingga kini, Sang Lamri akui memang banyak berubah tetapi masih ada perkara yang mesti dilakukan sejajar dengan tuntutan zaman terutama bersaing dengan kaum lain di dalam negara dan di peringkat global. Lihat saja deretan kedai di kompleks beli-belah di ibu negara, milik siapa kedai-kedai itu? Lihatlah senarai orang paling kaya di Malaysia. Siapakah mereka di dalam senarai teratas? Kekayaan negara harus dikongsi bersama.

Bagi Sang Lamri, orang Melayu harus bijak dan tidak bersikap pasif. Mereka perlu kikis sikap tak apa... biarkanlah... apa boleh buat... dan cukuplah apa yang ada... Tanamkan iltizam `kalau orang lain boleh buat, kita juga boleh.'

Kita kini sedang menikmati kemakmuran, keamanan dan kehormatan. Kita canangkan kononnya kita sudah menjadi tuan di rumah sendiri, tapi seorang bekas pemimpin memberi tahu mengenai ketuanan Melayu (Malay dominance), "...satu bangsa itu hanya dominan kalau majoriti bangsa itu sudah kaya, terpelajar dan menguasai bidang yang selama ini jarang dan tidak pernah diterokai orang Melayu.

Kita mesti teruskan perjuangan mengisi kemerdekaan. Destinasi kita masih jauh. Kita sekarang masih berada di tahap transisi. Masih banyak ruang yang boleh diterokai dan dikuasai.

Tunku Abdul Rahman Putra membebaskan kita daripada penjajahan British. Tun Abdul Razak berjaya menukar wajah Malaysia dan Melayu melalui Rancangan Pembangunan Luar Bandar, pembukaan tanah dan hutan rimba melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Tun Hussein Onn pula meneruskan warisan Tun Razak untuk memajukan negara, meninggikan taraf hidup rakyat dan mewujudkan perpaduan kaum.

Tun Dr Mahathir Mohamad telah mentadbir negara selama hampir 23 tahun. Tunku selama 13 tahun, Tun Razak dan Tun Hussein (masing-masing lima tahun). Kepemimpinan Dr Mahathir, hampir sama lama dengan jumlah pentadbiran tiga Perdana Menteri yang terdahulu sudah diketahui kehebatannya.

Kini, kita menghuni negara yang diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Bagi Sang Lamri sudah nampak tanda-tanda kecemerlangan kepemimpinan Pak Lah untuk mengajak kita mengenali siapa kita, bangsa dan negara kita agar terus terbilang di pentas dunia. Usahnya perlu diteruskan dan disokong setiap lapisan rakyat.

Kita harus gembira kerana kejayaan negara semakin disegani musuh dan kawan. Kita harus bersyukur dianugerahi Allah SWT dengan pemimpin yang baik. Kita bebas tetapi masih ramai rakyat yang dibelenggu penjajahan pemikiran, apa lagi menerusi era internet tanpa sempadan. Yang lebih penting, kita mesti menjadi tuan dalam erti kata sebenar.

(END)